

16 NOV 1997

DR MAHATHIR RAI PRESIDEN PERANCIS KE JAMUAN MALAM

LANGKAWI, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meraikan Presiden Perancis, Jacques Chirac ke satu majlis jamuan malam. Chirac tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari.

Sebelum itu, kedua-dua pemimpin itu berbual-bual selama 20 minit dengan dibantu oleh jurubahasa.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Duta Perancis ke Malaysia, Eduoard Braine. Turut hadir ialah Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Marican.

Dr Mahathir dan Chirac akan bermesyuarat pagi esok yang mana usaha-usaha untuk mengadakan kawalan terhadap dagangan matawang dan siasatan Amerika Syarikat ke atas penglibatan Malaysia dan Perancis dalam projek gas di Iran dijangka akan dibincangkan. -- BERNAMA

MAM ARA WAT